



# KENYATAAN AKHBAR

## CIDB BUKA CAWANGAN BARU PERMUDAH URUSAN PENGGIAT INDUSTRI DI SARAWAK

**BINTULU, 10 April:** Menteri Kerja Raya, Dato' Sri Haji Fadillah Bin Haji Yusof hari ini merasmikan Pejabat CIDB cawangan Bintulu yang serba baru di Fasa 7, Parkcity Commercial Area Bintulu, Sarawak. Pejabat tersebut merupakan cawangan yang kedua untuk Negeri Sarawak selepas Miri bagi mempermudah peneraju industri pembinaan dan pelanggan di negeri ketiga terbesar di Malaysia itu.

Menurut Menteri Kerja Raya, Dato' Sri Haji Fadillah Bin Haji Yusof, pembukaan cawangan baru ini dibuat sebagai respon kepada kehendak penggiat industri di bandar ketiga terbesar di Sarawak tersebut lebih-lebih lagi sejak pelancaran Taman Perindustrian Samalaju pada tahun 2008.

"Berdasarkan data yang dikeluarkan oleh Jabatan Perangkaan bagi Keluaran Dalam Negeri Kasar (KDNK), ekonomi Sarawak kini antara salah satu terbesar di Malaysia selepas Selangor dan Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur.

"Jadi pembukaan pejabat baru CIDB ini adalah sangat bersesuaian memandangkan kepesatan pembangunan infrastruktur di Bintulu buat masa ini yang sudah pasti dapat mendekatkan lagi pihak CIDB dengan penggiat industri," katanya.

Turut hadir pada majlis perasmian tersebut adalah Ketua Setiausaha Kementerian Kerja Raya, Dato' Sri Zohari Bin Haji Akob; Ahli Parlimen Bintulu, Dato' Seri Tiong King Sing dan Ketua Eksekutif CIDB, Dato' Ir. Ahmad 'Asri Bin Abdul Hamid.

Pejabat cawangan CIDB Bintulu ini yang beroperasi sejak 1 Februari 2016, menyediakan tiga kaunter perkhidmatan bagi urusan pendaftaran dan pembaharuan kad pemerakuan personel binaan atau Kad Hijau, pembayaran levi, pendaftaran dan pembaharuan kontraktor serta beberapa urusan lain termasuk latihan.

Seramai 11 orang kakitangan ditempatkan di cawangan baru ini yang menyasarkan untuk melatih para kontraktor dalam bidang kepakaran *Industrilised Building Syatem (IBS)* serta pengurusan integriti dan kualiti. Begitu juga dengan latihan personel binaan, latihan keselamatan dan kesihatan, kemahiran akreditasi, latihan penyeliaan dan pengurusan turut disediakan.

Sejak beroperasi cawangan yang terletak kira-kira 3 kilometer dari pusat bandar Bintulu ini menerima lebih daripada 50 pelanggan setiap hari dan kebanyakannya atas urusan pembaharuan Kad Hijau dan pendaftaran kontraktor.

Selain tempat letak kereta yang mencukupi untuk pelanggan, CIDB Bintulu juga menyediakan ruangan menunggu yang lebih luas untuk keselesaan pelanggan.

Sehingga ke hari ini, CIDB mempunyai 14 pejabat negeri dan tiga cawangan negeri. Satu lagi cawangan baru di Sabah selepas Tawau dijangka akan dibuka pada penghujung tahun ini iaitu di Sandakan menjadikan jumlah kesemua pejabat cawangan adalah empat.

---

## **Mengenai CIDB**

*Lembaga Pembangunan Industri Pembinaan (CIDB) ditubuhkan menerusi Akta Lembaga Pembangunan Industri Pembinaan 1994 (Akta 520) bagi membina kapasiti dan kapabiliti industri pembinaan melalui peningkatan kualiti dan produktiviti dengan memberi penekanan kepada profesionalisme, inovasi dan pengetahuan ke arah kehidupan yang berkualiti.*

---

*Untuk maklumat lanjut, sila hubungi:*

*Abdul Rakis Santa    [rakis@cidb.gov.my](mailto:rakis@cidb.gov.my)                      03-4047 7262 / 012-6200360*

*Noryani Ismail        [noryani@cidb.gov.my](mailto:noryani@cidb.gov.my)                      03-4047 7027 / 019-2856867*